



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF KEWANGAN SEBAGAI PETUNJUK  
PEMBANGUNAN KOMUNITI DALAM KALANGAN KOMUNITI ORANG  
ASLI MAH MERI DI SELANGOR, MALAYSIA***

**MOHD FARIZ BIN RAZALI**

**FEM 2021 2**



**KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF KEWANGAN SEBAGAI PETUNJUK  
PEMBANGUNAN KOMUNITI DALAM KALANGAN KOMUNITI ORANG  
ASLI MAH MERI DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

**MOHD FARIZ BIN RAZALI**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah  
Master Sains**

**Mei 2021**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh di buat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KESEJAHTERAAN SUBJEKTIF KEWANGAN SEBAGAI PETUNJUK  
PEMBANGUNAN KOMUNITI DALAM KALANGAN KOMUNITI ORANG  
ASLI MAH MERI DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

**MOHD FARIZ BIN RAZALI**

Mei 2021

**Pengerusi : Mohd Roslan Rosnon, PhD**  
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Kajian ini menjelaskan kesejahteraan subjektif kewangan sebagai petunjuk pembangunan komuniti dalam kalangan komuniti Orang Asli Mah Meri, Selangor, Malaysia. Komuniti Orang Asli sudah mula mengalami perubahan hidup dan pastinya ia memberi kesan kepada kesejahteraan hidup mereka. Hal ini berlaku kesan daripada pembangunan yang berada di sekitar penempatan mereka. Pengukuran kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli sering dilihat daripada perspektif objektif dengan menggunakan pengukuran ekonomi. Namun, kajian ini memberi satu sudut pandang yang berbeza dengan melihat kepada kesejahteraan hidup secara subjektif. Kesejahteraan subjektif kewangan komuniti Orang Asli masih lagi kabur dan kajian mengenainya adalah terbatas. Rentetan daripada itu, kajian ini dilakukan untuk memahami konsep kesejahteraan subjektif kewangan, menghuraikan status kesejahteraan subjektif kewangan mereka, mengenal pasti faktor perubahan kesejahteraan subjektif kewangan dan seterusnya menjelaskan kesejahteraan subjektif kewangan sebagai salah satu petunjuk pembangunan komuniti. Seramai 15 Orang Asli Mah Meri dalam kalangan Ketua Isi Rumah (KIK) dari seluruh perkampungan Orang Asli Mah Meri di Selangor terlibat dalam kajian ini. Hal ini kerana kedudukan perkampungan mereka yang dikelilingi oleh pembangunan dan perindustrian dilihat penting untuk diteliti dan dikaji pada masa kini. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan reka bentuk kajian adalah secara *exploratory*. Pengumpulan data dilakukan secara temu bual mendalam dan Teknik Kumpulan Nominal (NGT). Pemerhatian tidak turut serta juga digunakan dalam kajian ini. Analisis kajian adalah berasaskan tema. Berdasarkan dapatan kajian terdapat tiga tema besar dalam membincangkan konsep kesejahteraan subjektif kewangan iaitu: (i) kecukupan; (ii) kesejahteraan dan (iii) kepuasan. Manakala dari segi status kesejahteraan subjektif kewangan pula menunjukkan masyarakat Orang

Asli berada dalam keadaan sejahtera. Terdapat empat faktor perubahan kesejahteraan subjektif kewangan masyarakat Orang Asli di kawasan kajian iaitu: (i) perubahan nilai; (ii) sumber pendapatan; (iii) pendidikan dan (iv) kontak sosial. Kesemua faktor ini menyebabkan masyarakat Orang Asli di kawasan kajian terdedah dengan arus perubahan yang mempengaruhi kehidupan mereka. Dalam kajian ini juga kesejahteraan subjektif kewangan sebagai salah satu petunjuk pembangunan komuniti dapat dilihat dengan jelas melalui empat matlamat pembangunan komuniti iaitu (i) meningkatkan kualiti kehidupan, (ii) mengintegrasikan ahli komuniti, (iii) mewujudkan kerjasama antara ahli komuniti, dan (iv) mewujudkan transformasi sosial dalam komuniti. Walaupun secara dasarnya jika dilihat dari sudut kesejahteraan secara objektif menampakkan mereka masih rendah dan ketinggalan namun secara subjektifnya kesejahteraan kewangan komuniti Orang Asli Mah Meri adalah baik dan ada perubahan. Perubahan yang berlaku dalam aspek ekonomi dan sosial ini bersesuaian dengan kehidupan manusia yang sentiasa berusaha meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Implikasinya, pembangunan sosial dan ekonomi perlu terus diberikan perhatian dalam mengisi pembangunan Orang Asli untuk memastikan komuniti Orang Asli terus mengecapi kenikmatan pembangunan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**SUBJECTIVE FINANCIAL WELLBEING AS AN INDEX OF  
COMMUNITY DEVELOPMENT FOR THE ORANG ASLI MAH MERI IN  
SELANGOR, MALAYSIA**

By

**MOHD FARIZ BIN RAZALI**

**May 2021**

**Chairman : Mohd Roslan Rosnon, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

The Orang Asli Mah Meri community in Selangor, Malaysia is starting to experience changes in terms of well-being when exposed to numerous developments surrounding their settlement and this study aims to explain on the impact and factors of subjective financial well-being that can be used as an indicator to show that Orang Asli Mah Meri is moving towards a developing community. Normally, Orang Asli well-being is measured objectively by using their economy as an indicator. However, subjective financial well-being of the community is the main focus of this study as the researcher wants to give a different perspective to the subject. There are only a small number of studies done on the subjective financial well-being of the Orang Asli community, resulting in limited information on the subject matter and it is being left unclear. As a result, the objectives of this study are to define subjective financial well-being, state the status of their subjective financial well-being, identify the factors that influence subjective financial well-being, and explain financial subjective well-being as one of the indicators of community development. There are 15 Heads of Household (KIK) from Orang Asli Mah Meri community who participated in this study as informants located all over Selangor where they are getting closer to the modern civilization due to ongoing development and industrialization. Using the exploratory research method as the framework of this research, the data is obtained through in-depth interviews, Nominal Group Technique (NGT) as well as non-participatory observation. Three main themes emerge from the findings when analysed through thematic analysis; (i) sufficiency, (ii) comfort, and (iii) satisfaction. From the perspective of subjective financial well-being, the researched community is in a positive state. Based on the findings, there are four factors affecting the researched community's subjective financial well-being; (i) changes in value, (ii) sources of income, (iii) education, and (iv) social contact. Due to

these factors, the Orang Asli community is being exposed to the ongoing modernization, thus affecting their well-being. Within this study, subjective financial well-being can be clearly seen as a community development indicator based on four goals of community development; (i) improving the quality of life, (ii) integrated community members, (iii) inculcating cooperation among community members, and (iv) initiating social transformation within the community. In principle, the Orang Asli community has a long way to go to keep up with modern society but they are making positive progress in terms of subjective financial well-being and this is a good sign. Any improvement to an individual's quality of life would result in economic and social changes. Due to this constant changes, social and economic changes of the Orang Asli community should be prioritised to ensure that they are not left behind.



## PENGHARGAAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dengan Izin-Nya saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana diberikan keupayaan, semangat, kesabaran dan kesihatan yang baik untuk menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Sesungguhnya kajian ini memberikan pengalaman baharu kepada saya kerana mendapat pendedahan mengenai kehidupan Orang Asli secara lebih dekat lagi. Hakikatnya, ini merupakan anjakan paradigma kepada saya dalam mempelajari pelbagai cabang ilmu bagi bidang pembangunan komuniti. Pendek kata, kajian ini memberikan pengalaman yang berharga kepada saya sepanjang proses menyiapkan kajian ini.

Sepanjang tempoh kajian ini dijalankan, pelbagai pihak telah memberikan bimbingan dan bantuan kepada saya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada pengerusi penyelia tesis saya, Dr Mohd Roslan Rosnon. Banyak kritikan membina dan nasihat telah diberikan oleh beliau bagi membimbing perjalanan kajian saya. Beliau juga tidak lokek dalam meminjamkan bahan-bahan ilmiah yang telah menjadi garis panduan yang jelas kepada saya dalam menjalankan kajian secara ilmiah. Seikhlas penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada penyelia kedua saya iaitu Prof. Dr. Sarjit S. Gill yang telah memberikan tunjuk ajar, buah fikiran dan teguran sepanjang tempoh penyelidikan kajian ini. Tidak dilupakan juga, kepada seluruh tenaga pengajar dan staf di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah banyak membantu dan mencurahkan ilmu sepanjang saya bergelar sebagai pelajar.

Setinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) atas kesudian dan kerjasama yang telah diberikan bagi menjalankan kajian kepada komuniti Orang Asli Mah Meri, Negeri Selangor, Malaysia. Jutaan terima kasih dan penghargaan juga diberikan kepada semua komuniti Orang Asli Mah Meri yang terlibat dengan kajian ini kerana menyambut baik kajian ini serta memberikan kerjasama yang tidak berbelah bagi kepada saya untuk melaksanakan kajian ini ketika di lapangan.

Penghargaan juga diberikan ibu dan bapa yang tercinta, Puan Norlaila Binti Mohamed Nasa dan Encik Razali bin Mohd Thani atas dorongan yang diberikan kepada saya terus bersemangat dalam menyelesaikan kajian ini. Begitu juga ahli-ahli keluarga yang lain kerana tidak pernah putus-putus memberikan sokongan dan semangat kepada saya untuk meneruskan usaha bagi menjayakan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-



rakan seperjuangan yang turut bersama-sama susah senang membantu saya menyiapkan kajian ini.

Kecil tapak tangan nyiru di tadahkan kepada semua yang telah memberikan bantuan secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakan naskah kajian ini. Walaupun naskah ini kecil berbanding naskah-naskah yang disumbangkan oleh sarjana-sarjana lain, namun begitu diharapkan naskah ini sekurang-kurangkan dapat menyumbang kepada percambahan ilmu dalam kalangan pelajar, ahli akademik dan masyarakat secara umumnya. Semoga naskah ini dapat memberikan erti dalam perkembangan ilmu terutamanya dalam bidang pembangunan komuniti.

Sekian, terima kasih.

**Mohd Fariz bin Razali**

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd Roslan Rosnon, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD**

Profesor  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 9 Disember 2021

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Mohd Fariz Bin Razali (GS51328)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Mohd Roslan Rosnon

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama

Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Sarjit Singh a/l Darshan Singh

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vii
<b>PERAKUAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	6
1.5 Definisi Konsep	7
1.6 Kerangka Konseptual	8
1.7 Limitasi dan Skop Kajian	10
1.8 Rumusan	11
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Komuniti Orang Asli Mah Meri	12
2.2.1 Masyarakat Orang Asli	12
2.2.2 Orang Asli Mah Meri	15
2.2.3 Pembangunan Komuniti Orang Asli	16
2.2.4 Elemen Pembangunan Komuniti Orang Asli	19
2.3 Kesejahteraan Hidup	22
2.3.1 Konsep Kesejahteraan Hidup	23
2.3.2 Dimensi Kesejahteraan Hidup	24
2.3.3 Kesejahteraan Hidup Subjektif	25
2.3.4 Kesejahteraan Kewangan	26
2.3.5 Kesejahteraan Subjektif Kewangan	26
2.4 Teori Perubahan Sosial	29
2.4.1 Teori Evolusi	32
2.5 Rumusan	33

<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	34
3.3	Lokasi Kajian	34
3.4	Pensampelan	36
	3.4.1 Saiz Sampel	36
	3.4.2 Kaedah Pensampelan	37
3.5	Teknik Pengumpulan Data	37
	3.5.1 Pengkaji Sebagai Instrumen	37
	3.5.2 Teknik Kumpulan Nominal (NGT)	38
	3.5.3 Temu bual mendalam	39
	3.5.4 Pemerhatian Tidak Turut Serta	39
	3.5.5 Proses Pengumpulan Data	39
3.6	Analisis Data	40
3.7	Rumusan	41
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	42
4.2	Demografi Informan	42
	4.2.1 Rumusan	45
4.3	Konsep Kesejahteraan Subjektif Kewangan	45
	4.3.1 Rumusan	49
4.4	Kecukupan untuk Keperluan Asas	50
	4.4.1 Kecukupan Bayar Hutang dan Pembelian Tunai	51
	4.4.2 Kecukupan Pembelian Barang Keperluan dan Utiliti	52
4.5	Keselesaian untuk Keperluan Lain	55
	4.5.1 Keselesaian Pendidikan	55
	4.5.2 Keselesaian untuk Persediaan Kecemasan	56
4.6	Kepuasan Membantu Orang Lain	58
4.7	Faktor Perubahan Kesejahteraan Subjektif Kewangan	58
	4.7.1 Faktor Perubahan Nilai	59
	4.7.2 Faktor Sumber Pendapatan	60
	4.7.3 Faktor Pendidikan	61
	4.7.4 Faktor Kontak Sosial	62
4.8	Kesejahteraan Subjektif Kewangan Sebagai Salah Satu Petunjuk Pembangunan Komuniti	63
	4.8.1 Meningkatkan Kualiti Kehidupan	63
	4.8.2 Mengintegrasikan Komuniti	64
	4.8.3 Kerjasama Ahli Komuniti	65
	4.8.4 Mewujudkan Transformasi	66

	Sosial	
4.9	Wacana Teori Evolusi dan Kesejahteraan Subjektif Kewangan Sebagai Salah Satu Petunjuk Pembangunan Komuniti	67
4.10	Rumusan	69
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	71
5.2	Ringkasan Kajian	71
	5.2.1 Ringkasan Objektif Pertama:- Konsep Kesejahteraan Subjektif Kewangan	71
	5.2.2 Ringkasan Objektif Ke dua:- Status Kesejahteraan Subjektif Kewangan	72
	5.2.3 Ringkasan Objektif Ketiga:-Faktor Perubahan Kesejahteraan Subjektif Kewangan	73
	5.2.4 Ringkasan Objektif Keempat:- Menjelaskan Kesejahteraan Subjektif Kewangan sebagai Salah Satu Petunjuk Pembangunan Komuniti	73
5.3	Implikasi	73
	5.3.1 Kualiti Hidup	74
	5.3.2 Masalah Kewangan	75
	5.3.3 Pengetahuan dan Hak Sebagai Pengguna Yang Rendah	76
5.4	Cadangan	77
5.5	Kesimpulan	78
	<b>RUJUKAN</b>	82
	<b>LAMPIRAN</b>	98
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	106
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	108

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
2.1	Penempatan Suku Kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia	13
2.2	Domain Pengukuran bagi Indeks Kualiti Hidup Malaysia	24
3.1	Kampung Mah Meri di Pulau Carey	35
3.2	Komposisi Informan Kajian	37
4.1	Demografi Informan	42
4.2	Dapatan Kajian NGT Konsep Kesejahteraan Subjektif Kewangan	46
4.3	Tema Konsep Kesejahteraan Subjektif Kewangan	48



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Kerangka Konseptual	9
2.1	Peta Taburan Penduduk Orang Asli di Semenanjung Malaysia	14
3.1	Peta Kawasan Pulau Carey	35
3.2	Proses Pengumpulan Data	40
5.1	Konsep Kesejahteraan Subjektif Kewangan	79
5.2	Faktor Perubahan	81

## SENARAI SINGKATAN

ERCI	European Credit Research Institute
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
ILHAM	Pertubuhan Intelektual Fikrah Anak Malaysia
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KEDAP	Kelas Dewasa Ibu bapa Orang Asli dan Penan
KIR	Ketua Isi Rumah
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
NGT	Teknik Kumpulan Nominal
n	Bilangan Sampel
SP	Sisihan Piawai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
RM	Ringgit Malaysia
RPS	Rancangan Penempatan/Pengumpulan Semula
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Orang Asli merupakan kaum peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Walaupun kebanyakan perkampungan yang mereka dirikan jauh daripada dunia luar, namun kehidupan masyarakat Orang Asli kini didapati telah mengalami perubahan berbanding 20 tahun yang lalu di mana tahap ekonomi mereka kini lebih moden dan bukan lagi jenis primitif. Secara umumnya, kebanyakan dari mereka tidak lagi bergantung kepada ekonomi tradisional iaitu mencari hasil hutan semata-mata, malah kini mereka sudah mula memasuki ekonomi industri sekali gus telah meningkatkan taraf hidup mereka (Mustafa, 2008). Namun begitu, perubahan tersebut sering kali dijadikan isu perdebatan dalam usaha meningkatkan taraf hidup mereka di samping mengekalkan adat dan kebudayaan tradisi mereka yang semakin terhakis akibat pembangunan tersebut.

Pembangunan juga sering dianggap sebagai satu usaha untuk mencapai kemajuan. Pentakrifan kemajuan juga sering dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi sesebuah masyarakat (Asnarulkhadi & Hanina Halimatusaadiah, 2008). Oleh itu, pembangunan Orang Asli juga sering diukur berdasarkan pencapaian sosioekonominya. Justeru, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan pencapaian sosioekonomi Orang Asli dapat dicapai. Secara umumnya, pembangunan masyarakat Orang Asli terdiri daripada dua bentuk iaitu pembangunan khusus dan pembangunan umum. Pembangunan khusus merupakan program pembangunan yang dilaksanakan untuk masyarakat Orang Asli. Ia melibatkan program pembangunan sosial, pembangunan keusahawanan dan juga pembangunan ekonomi. Manakala pembangunan umum pula merujuk kepada program pembangunan yang dilaksanakan secara menyeluruh di peringkat nasional dan telah memberi impak secara langsung kepada masyarakat Orang Asli yang juga merupakan salah satu suku kaum yang terdapat di negara ini.

Dalam melihat pembangunan komuniti, ianya perlu dinilai dalam pelbagai dimensi. Menurut Todaro (1983) dalam Hanisah, Nobaya dan Sharifah Norazizan (2004), pembangunan adalah proses pelbagai dimensi yang melibatkan perubahan-perubahan ke atas struktur masyarakat, sikap dan institusi yang juga melibatkan pertumbuhan ekonomi, pengurangan kadar ketidakadilan dan penghapusan kemiskinan mutlak. Pembangunan juga seharusnya mengambil kira kemajuan yang berlaku ke atas keseluruhan sistem sosial agar ianya bersesuaian dengan keperluan dan kehendak individu dan komuniti yang pelbagai supaya mereka dapat terus hidup

dalam keadaan dan suasana yang lebih selesa dan baik dalam meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup.

Pemahaman umum masyarakat terhadap konsep sebenar kesejahteraan hidup dalam kalangan Orang Asli juga masih lagi samar dan sukar difahami oleh masyarakat umum. Perdebatan mengenai pengukuran kesejahteraan hidup Orang Asli juga menjadi perdebatan dalam ahli sarjana di Malaysia. Pengukuran kesejahteraan secara objektif lazimnya digunakan dalam membincangkan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli. Pengukuran ekonomi juga seringkali dijadikan asas pengukuran mengenai kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Oleh sebab itu, kita sering mendengar mengenai Orang Asli tiada pekerjaan yang tetap, ekonomi tradisional, memiliki pendapatan yang rendah, kadar pengangguran yang amat membimbangkan serta tahap kemiskinan yang semakin meningkat (Gomes, 2004; Mohd Nur Syufaat, 2015; Mohd Roslan & Asnarulkhadi, 2018). Ini merupakan takrifan biasa golongan pemerintah.

Dalam membincangkan kesejahteraan juga, pelbagai tafsiran di buat untuk memahami kesejahteraan hidup. Kesejahteraan hidup adalah keadaan kualiti hidup yang selamat, sihat dan selesa daripada aspek fizikal, sosial dan psikologi (Smith, Wade, Case, Harwell, Straub, & Summers, 2014). Ada yang melihat kesejahteraan itu sebagai objektif (New Economic Foundation, 2013) dan ada juga yang melihat sebagai subjektif (Sulaiman, Asnarulkhadi, Jeffrey Lawrence, Hayrol Azril & Hamizah, 2015). Sulaiman et. al (2015) menyatakan kesejahteraan subjektif adalah mengukur persepsi individu mengenai pengalaman hidupnya sendiri dan ianya merupakan satu taksiran psikologikal individu tentang kecukupan, kepuasan, kesukaan, keselesaan dan kegembiraan. Manakala kesejahteraan objektif berpaksikan kepada pengiraan kuantitatif seperti pendapatan dan pemilikan (Sulaiman et. al 2015).

Dimensi kesejahteraan juga boleh diukur dalam pelbagai perspektif dan ianya tidak hanya berfokus kepada ekonomi semata-mata. Ia boleh melibatkan pelbagai dimensi pengukuran seperti ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya seperti dalam Laporan Indeks Kesejahteraan Malaysia (IKHM) (2013). Justeru, dalam tesis ini, pengkaji hanya memberi fokus kepada dimensi kewangan dalam melihat kesejahteraan. Hal ini kerana pengkaji ingin melihat perubahan yang berlaku ke atas sesebuah komuniti hasil daripada kesan pembangunan yang dijalankan. Kita juga sering melihat sesuatu komuniti itu mundur atau tidak dengan melihat dari pendapatan, nilai pemilikan dan sebagainya. Namun, kita jarang memberi tanggapan kesejahteraan kewangan secara subjektif dengan mengukur persepsi individu mengenai pengalaman hidupnya sendiri.

Istilah kesejahteraan kewangan sering disebut dan digunakan secara berbeza seperti kesejahteraan ekonomi (Walson & Fitzsimmons 1993),

kepuasan kewangan (Joo & Grable, 2004) dan kesejahteraan kewangan peribadi (Joo & Garman, 1998). Walaupun terdapat pelbagai istilah yang digunakan, namun istilah tersebut menggambarkan konsep kesejahteraan kewangan. Ianya juga boleh diukur secara objektif (Joo & Garman, 1998) dan juga subjektif (Well-being OECD, 2013; Laily & Jariah, 2003). Manakala kesejahteraan subjektif kewangan dilihat dari segi keadaan kewangan dan kemampuan menyimpan dari segi kecukupan, kepuasan, kesukaan, keselesaan dan kegembiraan serta mengambil kira aspek sosial dan budaya (Sulaiman, et. al, 2015). Oleh yang demikian, tesis ini memberi fokus perbincangan mengenai konsep kesejahteraan subjektif kewangan sebagai petunjuk pembangunan komuniti dalam kalangan komuniti Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, Selangor. Dua perkara penting yang dibahaskan dalam tesis ini adalah konsep kesejahteraan subjektif kewangan dan bagaimana ianya menjadi petunjuk pembangunan komuniti. Tesis ini juga menggunakan teori evolusi dalam teori perubahan sosial bagi membincangkan isu ini.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Malaysia sangat terkenal dengan masyarakat majmuknya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan salah satunya ialah Orang Asli. Sebagaimana yang diketahui umum, masyarakat Orang Asli di Malaysia merupakan kumpulan minoriti yang biasanya mendiami sebahagian kawasan pinggir bandar dan pedalaman di Semenanjung Malaysia. Hakikatnya, masyarakat Orang Asli sudah lama mendiami negara ini, malahan dikatakan merekalah penduduk yang terawal wujud di sini. Namun begitu, komuniti ini sering lambat menerima tempas arus pembangunan perdana (Gomes, 2004). Kedudukan Orang Asli bukan hanya lambat menerima pembangunan, tetapi juga majoritinya tergolong dalam kategori miskin; bukan hanya dari segi kewangan tetapi juga terpinggir dari segi pemikiran (Mustafa, 2008). Ini merupakan ukuran biasa yang digunakan dalam memahami kualiti hidup dan kesejahteraan Orang Asli kesan daripada pembangunan.

Banyak kajian melihat kesejahteraan hidup Orang Asli berdasarkan ukuran objektif dan ekonomi dengan mengambil kira ukuran pendapatan dan pekerjaan mereka. Ukuran subjektif melalui pandangan komuniti agak kurang diberi perhatian. Menurut Siti Nadira, Rosmadi, & Jamilah (2015) pentingnya untuk melihat kesejahteraan hidup berdasarkan kepada skop yang lebih kecil iaitu di peringkat komuniti. Hal ini penting bagi memastikan konsep kesejahteraan diukur mengikut aspirasi sebenar komuniti tersebut. Dimensi kesejahteraan juga boleh diukur dalam pelbagai perspektif. Sudah pasti dimensi ekonomi menjadi ukuran yang sangat popular dalam menilai kesejahteraan hidup. Namun dalam kajian ini, fokus diberikan kepada kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan komuniti Orang Asli Mah Meri.

Konsep kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan komuniti Orang Asli Mah Meri dilihat penting kerana beberapa sebab iaitu: (i) komuniti ini terdedah dengan sistem ekonomi pasaran arus perdana; (ii) lokasi kedudukannya yang dikelilingi oleh industri dan pembangunan; dan (iii) komuniti ini menjadi tumpuan pelancongan negara. Oleh yang demikian, komuniti ini sangat terdedah dengan perubahan sosial dan ekonomi setempat. Oleh itu, pengukuran kesejahteraan subjektif kewangan dilihat penting untuk dinilai dari segi konsep dan status mengikut pandangan komuniti itu sendiri. Menurut Madeline & Junaenah (2004) mendapati penggunaan indeks pengukuran kesejahteraan hidup yang mengambil kira pemahaman, pengetahuan tentang keperluan dan aspirasi sebenar komuniti dilihat kurang menjadi tumpuan kajian. Justeru, kesannya banyak pembangunan yang dilaksanakan menemui kegagalan disebabkan ianya tidak mengambil kira konteks dan aspirasi komuniti itu sendiri (Novel, Mohammad Reevany & Salfarina, 2011; Madeline & Junaenah, 2004).

Taraf hidup masyarakat Orang Asli secara umumnya telah mengalami banyak perubahan ke arah yang lebih baik terutamanya dalam kalangan mereka yang tinggal di kawasan pinggir bandar atau berdekatan dengan perkampungan Melayu dan kaum-kaum majoriti yang lain. Begitu juga komuniti Orang Asli Mah Meri yang penempatannya berdekatan dengan komuniti majoriti. Sudah pasti sosialisasi dan interaksi sosial ini mengubah landskap hidup mereka sehingga memberi kesan kepada kesejahteraan subjektif kewangan mereka. Data yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (2016) menunjukkan bilangan komuniti Orang Asli Mah Meri di Selangor adalah 3762 orang. Walaupun tidak ramai, kedudukan geografi yang dikelilingi oleh kepesatan pembangunan dilihat menarik untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kesejahteraan subjektif kewangan mereka.

Situasi ekonomi dan sosial yang tidak menentu serta desakan kehidupan arus perdana dalam kalangan Orang Asli ini akan menyebabkan mereka mula berhijrah ke kawasan tumpuan seperti kawasan bandar yang mempunyai peluang ekonomi yang lebih terjamin. United Nation (2012) dalam *Urban Indigenous Peoples and Migration: Challenges and Opportunities* menyatakan bahawa walaupun majoriti Orang Asli di seluruh dunia tinggal di kawasan pedalaman, namun semakin lama mereka mula berhijrah ke kawasan bandar sama ada secara sukarela atau dipaksa (United Nation, 2012). Perubahan pesat yang berlaku di sekeliling perkampungan Orang Asli menyebabkan golongan minoriti ini terpaksa menyesuaikan diri dengan perkembangan dari segi persekitaran sosial dan budaya mereka (Mohamed Yusuf, 2002). Justeru menyebabkan corak kehidupan mereka berubah kepada lebih moden. Sudah pasti ia akan mempengaruhi kesejahteraan hidup mereka dan memberikan kesan terhadap pembangunan komuniti mereka.



Oleh itu, terdapat beberapa elemen yang saling berhubung kait dalam pembangunan komuniti. Antaranya adalah pendidikan, pembangunan ekonomi, pembangunan perumahan, pertanian dan pembangunan infrastruktur (Community Development Academy, 1997). Sudah pasti pembangunan yang berlaku di persekitaran perkampungan Orang Asli Mah Meri akan mempengaruhi kesejahteraan subjektif kewangan mereka hasil daripada pembangunan ekonomi dan sosial di sekitarnya. Perubahan hidup dan transformasi sosial dalam komuniti boleh berlaku kesan daripada pembangunan. Justeru, secara tidak langsung ia berkait dengan matlamat pembangunan komuniti. Secara umumnya, matlamat pembangunan komuniti bertujuan untuk: (i) meningkatkan kualiti kehidupan ahli komuniti, (ii) memotivasikan ahli komuniti untuk menjadi rakyat yang aktif, (iii) mengintegrasikan ahli komuniti dalam kehidupan negara untuk mencapai perpaduan nasional dan pembangunan, (iv) mewujudkan kerjasama antara ahli komuniti melalui perkongsian matlamat, tanggungjawab, peranan dan kefahaman holistik, (v) membangunkan kapasiti ahli komuniti dalam mengurus kehidupan, (vi) membawa keadilan dalam komuniti, (vii) menjangka masalah yang mendatang dalam komuniti, dan (viii) mewujudkan transformasi sosial dalam komuniti (Haris & Abd. Hadi, 2012). Oleh itu, hubungan kesejahteraan subjektif kewangan boleh dihujahkan dengan melihat ianya sebagai salah satu petunjuk kepada pembangunan komuniti.

Berdasarkan perbincangan permasalahan yang timbul, kajian ini akan cuba menjawab persoalan berikut:

1. Apakah pandangan komuniti Orang Asli Mah Meri tentang konsep kesejahteraan subjektif kewangan?
2. Bagaimanakah status kesejahteraan subjektif kewangan komuniti Orang Asli Mah Meri?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan subjektif kesejahteraan kewangan dalam kalangan komuniti Orang Asli Mah Meri?
4. Adakah kesejahteraan subjektif kewangan merupakan petunjuk kepada pembangunan komuniti Orang Asli Mah Meri?

### **1.3 Objektif Kajian**

#### **Objektif Umum**

Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan kesejahteraan subjektif kewangan sebagai salah satu petunjuk pembangunan komuniti.

Objektif Khusus:

1. Menjelaskan konsep kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan komuniti Orang Asli Mah Meri.
2. Menghuraikan status kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan komuniti Orang Asli Mah Meri.
3. Mengenalpasti faktor perubahan kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan komuniti Orang Asli Mah Meri.
4. Menjelaskan kesejahteraan subjektif kewangan sebagai salah satu petunjuk kepada pembangunan komuniti.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian berkait dengan sumbangan yang boleh diberikan oleh kajian (Othman, 2007) dan kepentingan kajian juga membincangkan sumbangan kajian kepada teori, polisi, amalan, isu-isu sosial dan tindakan (Marshall & Rossman, 1999). Atas dasar inilah kajian ini bertujuan mengupas kesejahteraan subjektif kewangan sebagai salah satu petunjuk pembangunan komuniti. Kajian ini juga memperlihatkan senario perubahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Orang Asli hari ini. Oleh itu, kajian ini berupaya meningkatkan kesedaran pihak bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan masyarakat Orang Asli dalam merencana pembangunan mereka dengan mengambil kira perspektif kesejahteraan subjektif. Selain itu, kajian ini penting dalam memberikan fahaman tentang konsep kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Ianya boleh dijadikan gambaran awal mengenai perspektif mereka tentang kesejahteraan hidup.

Pembangunan masyarakat Orang Asli berlaku sehingga kini. Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaannya, pelbagai projek dan program telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk membantu masyarakat Orang Asli di negara ini. Pihak kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memastikan hasrat dan tujuan untuk membebaskan masyarakat Orang Asli daripada belenggu kemiskinan tercapai. Walaupun fenomena kemiskinan di negara ini telah menurun, bilangan golongan miskin dalam kalangan Orang Asli masih lagi tinggi. Salah satu punca mengapa dan kenapa keadaan sebegini berlaku adalah disebabkan kegagalan dan kurangnya keberkesanan dasar dan strategi pembangunan komuniti ataupun desa yang dilaksanakan. Oleh yang demikian, kajian ini dapat membantu memahami konsep kesejahteraan subjektif kewangan yang bukannya melihat kepada fizikal dan materialistik semata-mata, malah memberi penekanan kepada pemahaman pengetahuan tentang keperluan dan aspirasi sebenar komuniti dalam kesejahteraan subjektif kewangan.



Dapatan kajian juga diharapkan dapat memberikan sumbangan ilmu pengetahuan kepada pelbagai pihak, terutamanya kepada pihak kerajaan, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), masyarakat Orang Asli dan masyarakat umum. Kajian ini penting dalam meneliti kedudukan masyarakat minoriti Orang Asli serta memberikan serba sedikit gambaran tentang tahap kualiti hidup masyarakat Orang Asli kesan daripada pembangunan yang berlaku. Maklumat yang telah diperolehi dapat membantu dalam perancangan, pelaksanaan serta dapat memperbaiki beberapa kelemahan yang berlaku. Selain itu, kajian ini juga penting untuk digunakan oleh pengkaji-pengkaji pada masa akan datang. Hasil yang diperolehi daripada kajian ini dapat digunakan sebaik mungkin oleh pengkaji baharu untuk mencari hasil yang lebih baik. Seterusnya, ia akan dapat dikembangkan seiring dengan peredaran waktu.

## 1.5 Definisi Konsep

### Orang Asli

Konseptual: Akta 134 dalam Perlembagaan Malaysia juga ada menerangkan siapakah Orang Asli. Dalam Fasal 3(i) Akta 134 diungkapkan takrifan tentang siapakah yang dianggap sebagai Orang Asli di sisi undang-undang. Kesemua bahagian Fasal 3(i) a, b dan c menegaskan bahawa Orang Asli itu hanya boleh dianggap sebagai Orang Asli selagi seseorang itu bercakap dalam bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli, adat dan kepercayaan Orang Asli. (Hasan, 2000).

Operasional: Dalam kajian ini, Orang Asli merujuk kepada komuniti Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, Selangor.

### Kesejahteraan Hidup

Konseptual: Kesejahteraan hidup adalah keadaan kualiti hidup yang selamat, sihat dan selesa daripada aspek fizikal, sosial dan psikologi (Smith, et. al 2014). Kesejahteraan hidup ialah satu keadaan yang cukup makan minum, cukup pakaian, tempat tinggal yang selesa dan selamat, ekonomi yang stabil, alam sekitar yang bersih dan jiwa yang tenang seterusnya memberi kebahagiaan hidup (Sulaiman, et. al, 2015).

Operasional: Dalam kajian ini, kesejahteraan hidup merujuk kepada kesejahteraan subjektif yang mengukur persepsi individu mengenai pengalaman hidupnya sendiri terhadap pelbagai dimensi kehidupan. Ia merupakan satu taksiran psikologi individu tentang kecukupan,

kepuasan, kesukaan, keselesaan dan kegembiraan ke atas beberapa dimensi kehidupan.

### **Kesejahteraan Kewangan**

**Konseptual:** Istilah kesejahteraan kewangan sering disebut dan digunakan secara berbeza seperti kesejahteraan ekonomi (Walson & Fitzsimmons 1993), kepuasan kewangan (Joo & Grable, 2004) dan kesejahteraan kewangan peribadi (Joo & Garman, 1998).

**Operasional:** Dalam kajian ini, kesejahteraan kewangan merujuk kepada kesejahteraan dan kepuasan kewangan peribadi.


### **Kesejahteraan Subjektif Kewangan**

**Konseptual:** Kesejahteraan subjektif kewangan dilihat dari segi keadaan kewangan dan kemampuan menyimpan dari segi kecukupan, kepuasan, kesukaan, keselesaan dan kegembiraan serta mengambil kira aspek sosial dan budaya (Sulaiman, et. al, 2015).

**Operasional:** Kesejahteraan subjektif kewangan adalah penilaian persepsi seseorang tentang semua perkara yang dinikmati atau dinafinya dan pengalaman yang dialaminya. Penilaian yang melibatkan emosi dan perasaan adalah penilaian seseorang tentang kewangannya. Kesejahteraan subjektif adalah satu penilaian seseorang tentang kecukupan, kepuasan, kesukaan, keselesaan dan kegembiraan terhadap kewangan mereka.

## **1.6 Kerangka Konseptual**

Kerangka konseptual kajian ini mengambil kira pendekatan dan pandangan yang diberikan oleh Sulaiman, et. al (2015) bagi konsep subjektif kewangan. Pembangunan komuniti pula mengambil kira perspektif yang diutarakan oleh Haris & Abd. Hadi, (2012) dalam membincangkan matlamat pembangunan komuniti. Kesan daripada pembangunan dan proses sosialisasi secara evolusi memberikan satu perubahan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli. Oleh itu kajian ini juga menjelaskan faktor perubahan dalam kesejahteraan subjektif kewangan. Rajah 1.1 menerangkan dengan lebih lanjut akan konsep kajian ini.



**Rajah 1.1: Kerangka Konseptual**

Kerangka konseptual ini menjelaskan mengenai kesejahteraan subjektif kewangan dalam kalangan komuniti Orang Asli Mah Meri menjadi petunjuk pembangunan komuniti. Dalam membincangkan pembangunan komuniti, matlamat pembangunan komuniti berbeza mengikut tempat dan masa. Secara umumnya, matlamat pembangunan komuniti di sebarang negara bertujuan untuk: (i) meningkatkan kualiti kehidupan ahli komuniti, (ii) memotivasikan ahli komuniti untuk menjadi rakyat yang aktif, (iii) mengintegrasikan ahli komuniti dalam kehidupan negara untuk mencapai perpaduan nasional dan pembangunan, (iv) mewujudkan kerjasama antara ahli komuniti melalui perkongsian matlamat, tanggungjawab, peranan dan kefahaman holistik, (v) membangunkan kapasiti ahli komuniti dalam mengurus kehidupan, (vi) membawa keadilan dalam komuniti, (vii) menjangka masalah yang mendatang dalam komuniti, dan (viii) mewujudkan transformasi sosial dalam komuniti (Haris & Abd. Hadi, 2012).

Oleh yang demikian, matlamat ini boleh di ukur melalui pelbagai dimensi kehidupan seperti ekonomi, sosial, psikologi, persekitaran dan sebagainya.

Dalam kajian ini dimensi kehidupan yang dikaji adalah kesejahteraan subjektif kewangan. Seperti yang dibincangkan dalam bahagian 1.1 dimensi kesejahteraan subjektif kewangan ini adalah penting atas beberapa sebab iaitu: (i) komuniti ini terdedah dengan sistem ekonomi pasaran arus perdana; (ii) lokasi kedudukannya yang dikelilingi oleh industri dan pembangunan; dan (iii) komuniti ini menjadi tumpuan pelancongan negara. Oleh yang demikian, komuniti ini sangat terdedah dengan perubahan sosial dan ekonomi setempat. Oleh itu, pengukuran kesejahteraan subjektif kewangan dilihat penting untuk dinilai dari segi konsep dan status mengikut pandangan komuniti itu sendiri. Kesejahteraan subjektif adalah satu penilaian seseorang tentang kecukupan, kepuasan, kesukaan, keselesaan dan kegembiraan terhadap kewangan mereka.

Selain meneliti konsep dan status kesejahteraan subjektif kewangan, faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan kesejahteraan subjektif kewangan juga di kenal pasti. Perubahan pesat yang berlaku di sekeliling perkampungan Orang Asli Mah Meri menyebabkan golongan minoriti ini terpaksa menyesuaikan diri dengan perkembangan dari segi persekitaran sosial dan budaya mereka (Mohamed Yusuf, 2002). Justeru menyebabkan corak kehidupan mereka berubah kepada lebih moden. Sudah pasti ia akan mempengaruhi kesejahteraan hidup mereka dan memberikan kesan terhadap pembangunan komuniti mereka. Oleh yang demikian, kajian ini juga menjelaskan kesejahteraan subjektif kewangan sebagai salah satu petunjuk kepada pembangunan komuniti.

### **1.7 Limitasi dan Skop Kajian**

